

MyGDI

NEWSLETTER

 www.mygeoportal.gov.my
 facebook.com/mygeoportal

 Edisi No.2/
2018
HALAMAN 1

**SIMPOSIUM MAKLUMAT
GEOSPATIAL KEBANGSAAN
KE-8 (NGIS KE-8)
BERLANGSUNG PENUH
GEMILANG**

HALAMAN 2

**LAWATAN MaCGDI KE
MIMOS BERHAD**

HALAMAN 3

**LAWATAN MaCGDI KE TM
ONE EXPERIENCE CENTRE**

HALAMAN 4

**SENARAI PENERIMA
ANUGERAH DAN
PERTANDINGAN SEMPENA
NGIS KE-8**

SIMPOSIUM MAKLUMAT GEOSPATIAL KEBANGSAAN KE-8 (NGIS KE-8) BERLANGSUNG PENUH GEMILANG



PUTRAJAYA, 10-11 Julai - Simposium Maklumat Geospasial Kebangsaan Ke-8 (NGIS Ke-8) anjuran

Pusat Infrastruktur Data Geospasial Negara (MaCGDI), Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) telah menjadi satu lagi tanda aras kecemerlangan kepada Kementerian kerana berjaya menghimpunkan lebih daripada 650 orang peserta di simposium ini.

Simposium ini dianjurkan dengan kolaborasi Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) serta Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) selaku pengajar bersama. Simposium anjuran dwitahunan pada kali ini membawa tema "Inovasi Geospasial Ke Arah Wawasan Negara" dan telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Sri Azizan bin Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian pada ketika itu mewakili YB Menteri KATS, YB. Dr. Xavier Jayakumar A/L Arulanandam.

Berlangsung selama dua (2) hari, simposium ini diwarnai dengan pelbagai pengisian seperti pelancaran Pelan Induk Geospasial Negara (NGMP), penyampaian Anugerah Geospasial Kebangsaan (AGK), penyampaian hadiah Pertandingan Video Multimedia untuk pelajar Institusi Pendidikan Tinggi (IPT), penyampaian hadiah Pertandingan Melukis Poster Sekolah Menengah, pembentangan kertas-kertas kerja aplikasi geospasial, sesi perbincangan panel, klinik MyGDI serta penyertaan 24 agensi awam dan swasta di pameran teknologi geospasial.

Objektif utama simposium ini adalah sebagai platform bagi membincangkan isu-isu terkini berkaitan teknologi dan maklumat geospasial, merealisasikan misi kerajaan ke arah kecemerlangan pengurusan maklumat geospasial dalam pelbagai sektor serta menginovasikan geospasial melalui perkongsian dan penyampaian perkhidmatan Kerajaan menuju wawasan negara. Diharap dengan kejayaan penganjuran simposium ini menjadi inspirasi kepada semua peserta untuk terus menyokong Program MyGDI yang dibangunkan oleh MaCGDI.

Gambar-gambar di sekitar NGIS Ke-8 boleh dilayari di halaman *Facebook MyGeoportal/MaCGDI*.

LAWATAN MaCGDI KE MIMOS BERHAD



KUALA LUMPUR, 18 Julai – MIMOS Berhad (MIMOS) telah menjemput pihak MaCGDI untuk menghadiri satu lawatan kerja ke ibu pejabat mereka yang terletak di *Technology Park Malaysia*. Lawatan kerja ini dibuat susulan daripada sesi perbincangan yang telah diadakan di antara pihak MaCGDI bersama dengan pihak MIMOS pada 7 Februari 2018 yang lepas berkaitan dengan teknologi semantik web. Selain itu, MIMOS juga menawarkan perkongsian ilmu kepada MaCGDI berkaitan *smart searching*, sesi demonstrasi secara langsung ke atas produk dan aplikasi lain yang telah dibangunkan oleh MIMOS.

Lawatan kerja ini telah diketuai oleh Pengarah MaCGDI, Puan Hajah Norizam binti Che Noh diiringi bersama 33 orang pegawai MaCGDI. Pihak MIMOS pula diketuai oleh Encik Thillai Raj T. Ramanathan merangkap Ketua Pegawai Teknologi.

Lawatan kerja ini dimulakan dengan ucapan aluan oleh wakil MIMOS diikuti dengan ucapan balas daripada Pengarah MaCGDI. Seterusnya, agenda lawatan kerja bersambung dengan pembentangan oleh wakil MIMOS mengenai latar belakang, hala tuju dan pembentangan beberapa aplikasi dan produk yang telah dibangunkan hasil daripada Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) MIMOS.



Antara aplikasi yang dibentangkan dan telah menarik perhatian delegasi MaCGDI seperti paparan secara langsung taburan data perjalanan kenderaan yang memasuki kawasan Kuala Lumpur, taburan data kemasukan pelawat/pelancong ke Malaysia melalui beberapa lokasi sempadan serta aplikasi video kamera litar tertutup (CCTV) yang dapat menganalisis maklumat paparannya.

Delegasi lawatan kerja MaCGDI juga turut dibawa berkunjung ke Big Data Analytics Digital Government Lab (BDA-DGL) yang merupakan usahasama di antara tiga (3) agensi iaitu MIMOS, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) dan Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) yang bertujuan untuk memproses data-data milik Kerajaan seterusnya diolah dan ditafsirkan kepada kesimpulan yang berkaitan.

MIMOS adalah sebuah syarikat di bawah bidang kuasa Kementerian Tenaga, Teknologi, Sains, Perubahan Iklim & Alam Sekitar.

LAWATAN MACGDI KE TM ONE EXPERIENCE CENTRE



KUALA LUMPUR, 19 Julai - MaCGDI telah mengadakan satu lawatan kerja ke Telekom Malaysia Berhad (TM) One Experience Centre diketuai oleh Puan Hajah Norizam binti Che Noh selaku Pengarah, diiringi oleh 20 orang pegawai MaCGDI. Turut serta di lawatan kerja ini dua (2) orang wakil daripada Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM), Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS). Pihak TM dengan sukacitanya telah menjemput MaCGDI ke lawatan kerja ini bertujuan untuk memperkenalkan teknologi terkini yang dibangunkan mereka.

Sesi lawatan kerja ini dimulakan dengan ucapan aluan Encik Wan Azman Wan Muhd Nor selaku Pengarah Education Vertical TM One, diikuti dengan penerangan oleh wakil TM berkaitan tiga (3) produk iaitu *TM Smart Services*, *TM Virtual Private Cloud* dan *TM ARM Remote Drone Services*.



Sesi lawatan kerja diteruskan dengan penerangan dan kunjungan delegasi MaCGDI ke TM One Experience Centre yang baru dibuka pada awal tahun ini bagi tujuan lawatan rasmi pihak luar. Pembukaan TM One Experience Centre merupakan salah satu inisiatif oleh pihak TM untuk memberi gambaran dan pengalaman kepada pelawat berkaitan penggunaan produk dan aplikasi TM di dalam aktiviti harian seseorang.

Ruangan TM One Experience Centre telah dibahagikan kepada beberapa seksyen seperti rumah, sekolah, pejabat, bilik perbincangan serta premis jualan. Setiap ruang tersebut telah dilengkapi dengan produk dan aplikasi yang canggih bagi membantu memudahkan urusan seseorang yang berada di ruang tersebut. Sebagai contoh, seksyen rumah telah dilengkapi dengan kamera dan sensor yang membolehkan kawasan tersebut dipantau secara jarak jauh dan pengawalan peralatan elektrik melalui aplikasi di telefon mudah alih. Pihak delegasi MaCGDI berasa teruja dan menzahirkan ucapan terima kasih kepada pihak TM kerana sudi menyantuni sesi lawatan kerja ini.

Peserta lawatan kerja turut berpeluang merasai sendiri penggunaan produk dan aplikasi yang telah disediakan di setiap seksyen ruang pameran tersebut.

SENARAI PENERIMA ANUGERAH DAN PERTANDINGAN SEMPENA NGIS KE-8

MaCGDI mengucapkan sekalung penghargaan dan tahniah kepada semua penerima dan pemenang anugerah serta pertandingan yang dianjurkan sempena NGIS Ke-8. Semoga penghargaan ini menjadi penyutik semangat kepada semua untuk terus melibatkan diri dalam pembangunan dan aktiviti geospatial di Malaysia:

1. ANUGERAH GEOSPATIAL KEBANGSAAN (AGK)

a. Anugerah Kecemerlangan Geospasial (Umum)

- Majlis Perbandaran Ampang Jaya: Sistem Interaktif MPAJ (MISYS)
- Pusat Hidrografi Nasional: Malaysian Electronic Navigational Chart (MyENC)
- Tenaga Nasional Berhad: Memperkasakan GIS di Bahagian Pembahagian TNB ke arah Grid of the Future

b. Anugerah MyGDI Kebangsaan (Agensi Kerajaan)

- PLANMalaysia Johor
- PLANMalaysia Melaka
- Majlis Bandaraya Pulau Pinang

2. ANUGERAH PENGHARGAAN MALAYSIA GEOSPATIAL ONLINE SERVICES (MyGOS)

- Kementerian Kerja Raya: MyRoad-Pedia
- Jabatan Kerja Raya: Aplikasi Sistem Pemantauan Potholes (ASAPP)
- Jabatan Perkhidmatan Veterinar: Veterinary Online Maps (VENOM)
- Angkatan Pertahanan Awam Malaysia: GIS For Disaster Management
- Pusat Hidrografi Nasional: Marin SDI

3. PERTANDINGAN VIDEO MULTIMEDIA INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI (IPT)

- **Pertama:** Kumpulan Yuvi, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam
- **Kedua:** Kumpulan ISJ, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam
- **Ketiga:** Kumpulan Armadora, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam
- **LIKE Terbanyak di Media Sosial:** Kumpulan ISJ, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam

4. PERTANDINGAN MELUKIS POSTER SEKOLAH MENENGAH (TINGKATAN 1,2 DAN 3)

- **Pertama:** Rachel Auh Jing-E, SMJK Yok Bin, Melaka
- **Kedua:** Agnes Sio Zhi Xuan, SMK Munshi Sulaiman, Johor
- **Ketiga:** Lim Chin Xien, SMJK Yok Bin, Melaka
- **Saguhati:** Lee Chang Yuen, SMK Pei Yuan, Perak; Siti Nur Bahiyah binti Mohamad Rofoie, SMK Jabi, Kedah; Low Kai Wen, SMJK Yok Bin, Melaka; Nurul Hanania Fariha binti Azis, SBP Integrasi Tun Abdul Razak, Pahang; Penny Chong Yoke Shuan, SMK Dato' Dol Said, Melaka

Diterbitkan oleh:

PUSAT INFRASTRUKTUR DATA GEOSPATIAL NEGARA (MaCGDI)

KEMENTERIAN AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI

ARAS 7 & 8, WISMA SUMBER ASLI

NO. 25, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4

PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

62574 PUTRAJAYA.

TEL: 03-8886 1156

FAKS: 03-8889 4851

LAMAN WEB: www.mygeoportal.gov.my



Pusat Infrastruktur Data Geospasial Negara (MaCGDI)
KEMENTERIAN AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI